

28 NOV 2000

Singapura-Indonesia

TIADA CADANGAN RASMI DARI GUS DUR, KATA SINGAPURA

SINGAPURA, 28 Nov (Bernama) -- Pembantu kepada Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong menyangkal kemarahan Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid terhadap republik itu dengan menyatakan beliau (Abdurrahman) tidak mencadangkan secara rasmi Timor Timur dan Papua New Guinea dimasukkan ke dalam perkumpulan itu pada sidang kemuncak tidak rasmi Asean baru-baru ini.

Kenyataan dua muka itu yang dikeluarkan petang ini oleh setiausaha akhbar Goh, Ong Keng Yong, juga menyangkal kenyataan Abdurrahman bahawa perdana menteri Singapura tidak pernah menyebut Indonesia dalam pameran perdagangan serantau atau bahagian selatan ratau Asean semasa sidang dua hari itu, yang dipengerusikan oleh Goh.

Berkaitan kenyataan yang dibuat Abdurrahman agar tidak mengikuti nasihat Singapura supaya mendapatkan kemahiran dalam bahasa Inggeris, yang mana ia disokong oleh mesyuarat Asean itu, Ong berkata ia bukannya Goh tetapi Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mula mencadangkannya.

Kenyataan itu tidak mengulas berkaitan kenyataan Abdurrahman berkaitan Singapura yang mengamalkan dasar luar hanya untuk keuntungannya dan ia memandang rendah terhadap Melayu dan menganggap mereka tidak wujud.

"PM Goh Chok Tong telah membaca laporan media berkaitan kenyataan Presiden Abdurrahman Wahid baru-baru ini terhadap peranan Singapura dalam Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean Keempat (AIS). Sebagai pengerusi keempat AIS, tanggungjawab PM Goh adalah untuk merumuskan idea dan cadangan yang dipersetujui ramai para pemimpin Asean.

Abdurrahman, yang dikenali juga dengan nama Gus Dur, menyelar Singapura Sabtu lepas semasa mesyuarat dengan masyarakat Indonesia di sini pada hari terakhir sidang kemuncak itu.

Beliau juga menyelar menteri kanan Singapura Lee Kuan Yew kerana menolak cadangannya untuk memasukkan Timor Timur dan Papua New Guinea ke dalam Asean, dengan menyatakan jika Lee menolak cadangan itu, anggota Asean yang lain juga akan menolaknya.

Abdurrahman berkata beliau akan mencadangkan Forum Pasifik Barat bagi memasukkan Timor Timur, Papua New Guinea, Australia dan New Zealand.

-- BERNAMA

TCM RI